

ISSUE OF MORAL DEGRADATION AMONG MUSLIM ADOLESCENTS IN MALAYSIA: ISSUES, CHALLENGES AND SUGGESTED SOLUTIONS

PERMASALAHAN KERUNTUHAN AKHLAK DALAM KALANGAN REMAJA MUSLIM DI MALAYSIA: ISU, CABARAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN

Wan Abdul Fattah Wan Ismailⁱ, Lukman Abdul Mutalibⁱⁱ, Nik Salida Suhaila Nik Salehⁱⁱⁱ, Ahmad Syukran Baharuddin^{iv}, Zulfaqar Mamat^v, Syh Noorul Madihah Syed Husin^{vi}, Mohamad Aniq Aiman Alias^{vii} & Nurul Syazwani Abdullah Kahar^{viii}

ⁱ (*Corresponding author*). Professor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). wanfattah@usim.edu.my

ⁱⁱ Professor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). lukman@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Professor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). salida@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). ahmadsyukran@usim.edu.my

^v Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). zulfaqar@usim.edu.my

^{vi} Pensyarah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong Badak (UniSZA). madihah@unisza.edu.my

^{vii} Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). aniqalias1997@gmail.com

^{viii} Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). syazwaniabdullahkahar@gmail.com

Abstract

Young people are the most important asset in determining the progress of a country. Therefore, they need to be polished and shaped with the best mold to produce an ideal and quality model in the future. Even so, the involvement of teenagers with things that undermine their morals such as free sex is becoming more prevalent and increasing day by day. This statement is not an empty throw to intimidate any party alone, in fact, it is supported by research evidence that has been made by various parties before. This study aims to identify the causes of the problem of moral decay among Muslim adolescents in Malaysia and some proposed solutions to reduce this issue. This study has used a qualitative approach through document analysis method and interview method with several selected transit centers in Malaysia, namely Rumah Generasiku Sayang, Sekolah Tunas Bakti Marang, and Taman Seri Puteri Kuching. Study respondents consisted of government and non-government shelter advisors, medical social work officers, religious advisors, shelter advisers, school principals school supervisors, and study participants consisting of shelter students themselves. For qualitative analysis, these interviews were translated verbatim. The study found that there are several main causes that cause Muslim adolescents in Malaysia to be stuck with this issue such as lack of religious education, troubled families, low educational values, widespread technology, and peer influence discussed in detail in this study. It is hoped that all parties play an important role in curbing this problem so that such cases can be reduced.

Keywords: *Moral, Degradation, Adolescents, Muslims, Adultery.*

Abstrak	<p><i>Golongan muda merupakan aset yang terpenting dalam menentukan kemajuan sesebuah negara. Justeru itu, mereka ini perlulah digilap dan dibentuk dengan acuan yang terbaik untuk melahirkan satu model yang ideal dan berkualiti pada masa akan datang. Sungguhpun begitu, keterlibatan remaja dengan perkara-perkara yang meruntuhkan akhlak mereka seperti seks bebas semakin berleluasa dan meningkat dari hari ke hari. Kenyataan ini bukanlah satu lontaran kosong untuk menakutkan mana-mana pihak semata-mata, bahkan ia disokong oleh bukti-bukti penyelidikan yang telah dibuat oleh pelbagai pihak sebelumnya. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti apakah punca-punca berlakunya permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia dan beberapa cadangan penyelesaian untuk mengurangkan isu ini. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual dengan beberapa pusat transit yang terpilih di Malaysia iaitu Rumah Generasiku Sayang, Sekolah Tunas Bakti Marang, dan Taman Seri Puteri Kuching. Responden kajian terdiri daripada penasihat pusat perlindungan kerajaan dan bukan kerajaan, pegawai kerja sosial perubatan, penasihat agama, penasihat pusat perlindungan, pengetua sekolah, penyelia sekolah dan peserta kajian yang terdiri dari pelajar pusat perlindungan itu sendiri. Bagi analisis kualitatif, temu bual ini diterjemahkan secara verbatim. Hasil kajian mendapati, terdapat beberapa punca-punca utama yang menyebabkan remaja Muslim di Malaysia terjebak dengan isu ini seperti kurang didikan agama, keluarga yang bermasalah, nilai pendidikan yang rendah, teknologi yang berleluasa dan pengaruh rakan sebaya yang dibincangkan secara terperinci dalam kajian ini. Diharapkan agar semua pihak memainkan peranan yang penting dalam membendung masalah ini agar kes sebegini dapat dikurangkan.</i></p> <p>Kata Kunci: <i>Akhlak, Keruntuhan, Remaja, Muslim, Perzinaan.</i></p>
----------------	--

PENDAHULUAN

Keterlibatan remaja Islam di Malaysia dalam aktiviti yang meruntuhkan akhlak seperti pergaulan bebas dan perlakuan zina adalah satu perkara yang sangat membimbangkan. Kenyataan ini bukannya suatu persepsi kosong bertujuan untuk merendahkan martabat orang Islam atau menakutkan mana-mana pihak semata-mata. Bahkan, kenyataan ini disokong oleh hasil kajian-kajian lepas yang menunjukkan, terdapat banyak peningkatan kelahiran anak tak sah taraf atau anak zina direkodkan hasil daripada perzinaan dan seks bebas yang kebanyakannya dari kalangan remaja Muslim di Malaysia (Wan Ismail *et al.*, 2021).

Remaja kini yang dikenali sebagai 'Generasi Y' semakin hari semakin tidak memahami tujuan hidup mereka sebagai manusia. Malah, ramai dari kalangan mereka terjebak ke lembah gejala sosial yang tidak bermoral ini. Rutin harian mereka juga dilihat telah banyak berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, aktiviti berfoya-foya dan bersuka ria di kelab malam telah menjadi suatu kebiasaan dan akhirnya, berlakulah seks rambang dan perzinaan. Tambahan pula, budaya barat yang dilihat tidak henti-henti meluru masuk ke dalam kehidupan kita, seolah-olah mahu 'membunuh' jiwa-jiwa 'hijau' ini dengan racun hedonisme, sekularisme, liberalisme dan bermacam-macam lagi. Mereka diburu dari segenap arah; pemikiran, pakaian, pergaulan, hiburan dan cara hidup (Wan Abdul Fattah *et al.*, 2020).

Implikasinya, perkara-perkara yang meruntuhkan akhlak seperti pergaulan bebas, aktiviti pelacuran dan zina dilihat semakin meningkat dan berleluasa. Seharusnya, pembentukan akhlak dalam kalangan remaja Muslim perlulah dititikberatkan oleh semua pihak bermula daripada ibu bapa, pendidik, masyarakat, pemimpin dan yang paling utama adalah remaja itu sendiri. Di Malaysia, jangkakan jumlah remaja adalah separuh daripada

keseluruhan rakyat Malaysia dan dengan itu, usaha untuk mendidik remaja bukanlah satu tugas yang kecil (Wan Ismail et al., 2021). Sungguhpun begitu, isu berkaitan remaja seperti seks bebas, zina dan sebagainya belum nampak kepada noktahnya malah terus meningkat. Dalam kajian ini, penyelidik membincangkan berkenaan punca-punca berlakunya masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia dan cadangan penyelesaiannya agar semua pihak dapat sama-sama mengurangkan isu ini daripada terus meningkat.

KAJIAN LEPAS

Pada masa lalu, jumlah remaja yang terlibat dengan kes jenayah tidaklah begitu tinggi, namun kini, jumlahnya meningkat secara mendadak dan kesannya bukan hanya terhad kepada ibu bapa dengan remaja yang masih berusia sekolah itu sahaja, bahkan ianya juga memberi kesan kepada masyarakat dan kredibiliti sekolah yang membentuk semangat dan tingkah laku generasi muda (Hashim, 2020; Zainudin & Roslan, 2011). Memahami psikologi remaja mempunyai kaitan dengan proses pembentukan fitrah manusia itu sendiri. Sekiranya remaja terdedah kepada pemikiran, perasaan, tindakan, atau palutan negatif, mereka cenderung untuk dipengaruhi (Wan Ismail et al., 2021).

Pengkaji juga ada mengatakan bahawa, anak-anak terutamanya yang berada di peringkat remaja mengalami banyak krisis seperti perubahan fizikal dan emosi, serta sedang berusaha mencari identiti diri. Peralihan dari zaman kanak-kanak ke dewasa adalah merupakan satu fasa yang amat sukar, di mana mereka mesti mengubah hubungan mereka dengan orang dewasa secara serentak, sesuai dengan tuntutan masyarakat sekitar, dan mengatasi ketidakmampuan mereka untuk melihat kenyataan atau realiti (Ali, 2007).

Oleh kerana itu, remaja hendaklah sentiasa dibimbing dan dididik untuk memahami dan melalui fasa ini dalam keadaan yang baik. Guru, ibu bapa, dan masyarakat harus sedar bahawa tanpa didikan yang betul, remaja tidak akan tahu menilai dunia di sekitarnya, dan perspektif mereka mungkin bertentangan dengan niat masyarakat. Remaja memerlukan bimbingan untuk memperbaiki tingkah laku mereka kerana mereka adalah modal insan yang mesti digilap dan disuburkan agar dapat menjadi aset berharga bagi negara (Zainal, 2008).

Hal ini kerana, menurut kajian Zainudin dan Roslan (2011), dorongan untuk mencuba sesuatu yang baru yang tidak pernah mereka lakukan adalah salah satu sebab utama remaja mudah terlibat dalam masalah sosial. Kajian ini mendedahkan ciri-ciri yang muncul dalam peratusan yang tinggi dari aspek lain iaitu; perubahan itu berlaku ketika mereka berkembang melalui masa remaja dari segi usia, idea, dan situasi. Ada perkara-perkara yang tidak pernah mereka lihat atau alami ketika melalui proses pembangunan dalam masa terdekat. Hasilnya, mereka akan mudah tertarik untuk mencuba aktiviti baru. Tambah penyelidik lagi, remaja mempunyai jiwa sensitif pada umumnya. Mereka selalu ingin disentuh dan diberi perhatian tanpa berbelah bagi untuk apa sahaja yang mereka capai, walaupun ibu bapa mereka menganggap itu sesuatu yang biasa dan tidak penting. Oleh itu, ibu bapa dilihat sangat memainkan peranan yang cukup penting dalam membentuk anak-anak remaja dalam mengalami proses pembangunan diri.

Sungguhpun begitu, pergaulan bebas sehingga berlakunya perbuatan zina di kalangan remaja termasuklah remaja Islam dilihat amat membimbangkan. Di Malaysia, statistik pendaftaran anak luar nikah daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 1999 hingga 2003 mencatatkan bilangan yang sangat besar iaitu 70,430 orang. Manakala statistik yang direkodkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) daripada tahun 2008 hingga 2010 ialah seramai 152,182 orang anak luar nikah. Statistik kelahiran anak luar nikah atau anak tak sah taraf yang direkodkan oleh Jabatan Pendaftaran Malaysia (JPN) pada tahun 2016 pula adalah berjumlah seramai 159,725 orang (Berita Harian, Selasa, 13 September 2016: Anak Tak Sah Taraf Didaftar Sejak 2013: Sophia Ahmad). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat

berkenaan punca-punca berlakunya permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia dan beberapa cadangan penyelesaian kepada isu ini.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang teratur dan tersusun adalah penting dalam sesebuah penyelidikan. Bagi kajian ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual dengan beberapa pusat perlindungan dan responden-responden yang terpilih di Malaysia. Hal ini demikian kerana, kaedah kualitatif berfungsi untuk menerima konteks ini kerana ia berkait rapat dengan sains dan penilaian semula jadi (Webley, 2010).

Selain itu, menurut Patrick dan Linda Jean (2013), pendekatan kualitatif juga dapat memberikan persepsi yang kuat dari tindakan yang telah berlaku dalam konteks kehidupan nyata dan mengekalkan makna yang dimaksudkan dalam membentuk pemahaman tentang proses dan makna sosial yang didasari dalam persekitaran, perniagaan atau pengurusan. Pengkaji menggunakan pendekatan secara temu bual untuk melihat punca-punca berlaku permasalahan sahsiah khususnya memasuki pusat transit mereka. Temu bual ini dijalankan sekitar antara 30-50 minit setiap satunya.

Data-data yang diperoleh secara temu bual ini kemudiannya diterjemahkan secara verbatim. Hasil temu bual ini secara tidak langsung dapat mendedahkan berkenaan punca-punca berlakunya permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia dan turut disokong dengan kajian sebelumnya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Definisi Remaja secara Umum

Secara umumnya, terdapat pelbagai definisi tentang remaja mengikut perkembangan masyarakat dan mengikut beberapa sudut pandang. Dalam bahasa Inggeris, '*adolescence*' membawa maksud remaja. '*Adolescence*' bermaksud membesar menjadi matang (Rogers, 1951). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat pula, remaja dapat ditakrifkan sebagai; "sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin, muda; gadis; puteri gadis yang mulai dewasa (mulai rasa cinta berahi); masa; masa mulai timbul rasa cinta berahi, masa muda-muda; meremaja menjadi remaja: Amnah; meremajakan menjadikan muda, memudahkan; pegawai negeri menggantikan pegawai-pegawai tua dengan pegawai-pegawai muda; keremajaan perihal (keadaan) remaja: seorang gadis yang sedang dalam; peremajaan perihal meremajakan".

Remaja dikatakan berusia di antara 11 hingga 21 tahun, merupakan transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa yang melibatkan perubahan biologi, psikologi, sosial dan ekonomi serta melibatkan perubahan peringkat tidak matang ke peringkat matang (Yahaya, 2012). Zaman remaja dikatakan bermula dari akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa. Ia merupakan satu tempoh peralihan dalam pusingan hidup yang melibatkan banyak perubahan yang berlaku, sama ada dari segi perkembangan fizikal, emosi dan kognitif di mana ia mula minat hubungan dengan rakan sebaya dan mulai belajar peranan kerja, peranan dalam keluarga dan sebagai warga masyarakat.

Menurut Ismail dan Syed Hassan (2011) pula, remaja adalah mereka yang beralih dari zaman kanak-kanak (seusia 0 hingga 9) ke remaja (umur 10 hingga 18 tahun). Perkembangan remaja bermula pada usia 10 hingga 12 tahun dan berakhir pada usia 18 hingga 22 tahun untuk anak-anak yang beralih ke peringkat remaja ini (Santrock 2008). Tidak dapat dipertikaikan bahawa ini adalah salah satu usia yang paling sukar bagi seseorang untuk menghadapi perubahan fizikal dan mental yang berbeza. Semasa remaja, seseorang menghadapi pelbagai krisis pembentukan dan pembangunan identiti diri.

Kegagalan dalam fasa pembentukan identiti akan menyebabkan remaja menghadapi krisis kekeliruan. Krisis kekeliruan yang tidak terkawal, sekiranya dibiarkan dan tidak ditangani, krisis kekeliruan kawalan diri pada remaja boleh memburukkan lagi gejala sosial yang sedia ada. Fenomena ini adalah salah satu ancaman kepada sumber

manusia yang boleh memudaratkan negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu, semua masalah sosial yang dialami oleh remaja harus ditangani agar mereka tidak terus menimbulkan ancaman besar terhadap pembangunan dan kemajuan negara (Zainudin & Roslan, 2011).

Sebagai kesimpulannya, zaman remaja ini dikatakan bermula dengan akil baligh dan berakhir dengan peralihan ke alam dewasa. Ia merupakan satu tempoh peralihan dalam kitaran hidup yang melibatkan banyak perubahan yang berlaku, sama ada dari segi perkembangan fizikal, emosi, dan kognitif, di mana ia mula berminat dalam perhubungan dengan rakan sebaya dan mula mempelajari peranan kerja, peranan keluarga, dan peranan warganegara. Zaman remaja juga dikatakan sebagai satu proses untuk bagi penglibatan yang berkesan dalam masyarakat. Oleh itu, pada peringkat ini mereka seharusnya dididik dan dipantau dengan sebaik mungkin agar tidak mudah terjebak dengan perkara yang merosakkan akhlak mereka.

Punca-Punca Berlakunya Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan punca-punca berlakunya permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia. Punca-punca ini telah dikenal pasti hasil daripada temu bual yang dijalankan bersama responden kajian dan turut disokong oleh kajian lepas.

i. Kurang Didikan Agama

Remaja yang terlibat dengan permasalahan akhlak kebiasaannya mempunyai latar belakang keluarga yang tidak memberi didikan agama kepada mereka. Agama yang berupaya membentuk jati diri remaja tidak didedahkan sepenuhnya kepada mereka sejak awal peringkat umur lagi. Ianya seperti yang dinyatakan oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan di Rumah GenerasiKu Sayang (GKS):

Pertamanya, dio kalau kita dapat maklumat, biasanya mereka orang yang jati diri kurang lah. Kebanyakan mereka, pertama nya dari segi didikan agama yang kurang. Yang keduanya, kelemahan diri dia sendiri. Dan yang ketiganya, mudah terpengaruh.

(Pegawai Kerja Sosial Perubatan (GKS), Informan 1)

Selain Pegawai Kerja Sosial Perubatan (GKS), kesemua peserta kajian dan informan menyatakan bahawa remaja yang terlibat dengan masalah akhlak atau sahsiah ini mempunyai latar belakang keluarga yang jauh dari agama dan mereka tidak mempunyai asas pengetahuan agama yang kukuh. Berdasarkan pemerhatian Pengetua Tunas Bakti Marang di rumah jagaannya, ini menjadi punca kepada zina serta masalah sosial lain:

...Lepas tu dari segi agama dia, saya tengok rata-rata tak sembahyang. Tak sembahyang tak puasa. Macam tu. Bila kita tanya, sembahyang tak kat luar? Tak sembahyang umi. Berapa kali sembahyang? Kadang-kadang sembahyang kadang kadang tak sembahyang. Pakai tudung tak kat luar? Tak pakai tudung. Dia datang sini, sejak penghuni kita yang masuk, kita pastikan diorang ni bertudung. Jadi, jadi dalam tudung tu, kita tengok, buka tengok, rambut perang, jadi kita tengok Allahuakbar. Rambut perang, bila rambut perang tanda dia selalu bersosial kat luar. Disko kat luar, minum kat luar, dadah kat luar. Ecstasy kat luar. Pil goyang la senang. Dia panggil pil goyang, pain killer, pil goyang. Jadi kita tengok memang dari segi agama diorang ni, memang tersangat-sangat la lemah. Jadi kalau nak kata keterlanjuran diorang tu, penzinaan diorang tu memang mudah la bagi diorang. Haa macam tu. Kalau parti memang suka sangat parti. Dalam tu, kita beri pengawasan, kita jaga dia, tapi masih lagi masih sempat lagi dia

buat parti kat dalam. Parti dia memang menakutkan la kat dalam tu. Kalau kita tak pantau dia.

(Pengetua Tunas Bakti Marang, Informan 2)

Pendidikan agama dalam kehidupan seorang manusia tidak dapat dipisahkan. Kepentingan nilai agama ini boleh dikatakan sebagai memandu kehidupan manusia ke arah kehidupan yang sejahtera. Tanpa pegangan agama, seseorang akan hilang panduan dan jati diri dalam menempuh kehidupan dunia yang mencabar. Pegangan agama yang longgar atau tidak menitikberatkan kehidupan beragama dari ibu bapa akan memberi impak secara langsung kepada anak mereka khususnya dari segi akhlak dan jati diri.

Hal ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Zulkiffly (2006), yang menyatakan wujudnya masyarakat hari ini yang kurang kesedaran terhadap kepentingan agama sama ada dalam kalangan ibu bapa atau masyarakat umum. Selain itu, kajian yang dibuat oleh Phares dan Kompas (1992), mendapati bahawa, ibu bapa juga didapati banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak, iaitu gagal menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka, di samping mengabaikan ajaran agama.

ii. Latar Belakang Keluarga Yang Bermasalah

Keluarga mencorakkan persekitaran kehidupan remaja dalam kajian ini. Kepincangan keluarga adalah faktor terbesar yang menyumbang kepada peningkatan dalam permasalahan akhlak seperti terlibat dengan aktiviti perzinaan. Ibu bapa membentuk pertimbangan remaja terhadap zina sama ada ianya perkara yang betul atau sebaliknya. Menurut aktivis kanak-kanak yang ditemu bual:

So, kita ada dapati bahawa bibit-bibit zina tu wujud memang jauh lagi awal. So, menghampiri zina tu, lagi banyak. Tapi bagi diaorang itu okay, atau mak bapak pun tahu, diaorang bercouple, dan diaorang okay about it. Tapi persepsi ibu bapa tu okay ke apa ke, lain. Untuk masyarakat dia tidak okay, tapi parents rasa itu okay. Dan kebanyakan pun ada yang okay, so kita nampak yang sebenarnya, bibit zina tu da bermula dari awal. Tapi, semua ini, hasil okay tak okay ni, hasil how people tengok benda tu, anita dan lelaki, how they respect one another, contohnya, keluar dating, balik cukup time, pukul 10 malam baru balik. Dedua balik, jadi parents lihat, dia respect, so boleh keluar, tapi balik la. Nampak tak? Susah la sikit bab tu.

(Penasihat Pusat Perlindungan Kerajaan & Bukan Kerajaan, Informan 3)

Selain itu, hasil temu bual bersama peserta kajian dan informan mendapati bahawa remaja terlanjur ini terdiri daripada remaja yang mempunyai keluarga yang bermasalah seperti; ibu bapa bercerai, mempunyai kegagalan komunikasi dengan anak, terlalu mengongkong, tidak memberi didikan agama, berzina, mengambil dadah dan mendorong perlakuan zina.

Ada. So, kanak-kanak biasanya jugak, dia tengok dari dewasa. Biasanya, yang baik, akan menghasilkan anak yang baik. So, kanak-kanak ni dia ada teori psiko sosial dia, dia akan tengok keadaan sekeliling. I think di panggil teori Erikson agaknya, nanti saya ambik gambar bagi dekat you. Dia akan melihat persekitaran dan kanak-kanak akan meniru melalui persekitaran. Boleh jadi jugak.

(Penasihat Pusat Perlindungan Kerajaan & Bukan Kerajaan, Informan 3)

Selain itu, perceraian ibu bapa juga turut menjadi faktor anak-anak mereka terjebak dengan salah laku seksual. Hal ini kerana, Perceraian menyebabkan peranan ibu bapa terabai. Dengan ini, remaja dibesarkan oleh ibu bapa yang telah berpisah berada dalam keadaan serba kekurangan. Menurut Pengetua Taman Seri Puteri (TSP), Kuching,

makan minum dan pendidikan anak kebiasaannya terabai apabila penjaga yang bercerai mempunyai masalah jenayah dan peranan ibu bapa dipindahkan kepada penjaga lain yang telah berusia:

Kebanyakan latar belakang kes ibu bapa bercerai, dengan peranan ibu bapa tu tiada, tu yang menyebabkan berlakunya kes-kes perzinaan ataupun terlanjur. Saya ambil satu kisah, ibu bapa bercerai. Bapanya pernah masuk keluar penjara, terlibat dengan dadah, so si remaja tersebut dijaga oleh nenek yang sudah tua. Macam orang kata, dia tak pergi ke sekolah, makan minum pun tak tentu...Apabila keadaan tu berlaku, yang menyumbang kepada faktor ini lah faktor hubungan bebas boleh dikatakan menyumbang lah.

(Pengetua TSP Kuching, Informan 4)

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh remaja yang ditemu bual:

Pengkaji: *Siti ada mak ayah lagi? Mak ayah ada lagi?*

Siti (bukan nama sebenar): *Dah cerai dah.*

Pengkaji: *Oh. Dah cerai. Jadi Su duduk dengan mak ke dengan ayah?*

Siti (bukan nama sebenar): *Nenek.*

Pengkaji: *Oh duduk dengan nenek. Adik beradik lain?*

Siti (bukan nama sebenar): *Nenek juga.*

(Peserta Kajian dari Sekolah Tunas Bakti Marang, Terengganu, Informan 5)

Penyelia Sekolah Harapan Jasin menambah bahawa keperluan asas lain seperti tempat tinggal anak juga menjadi tidak menentu disebabkan oleh perceraian ibu bapa dan penjaga mereka telah berkahwin lain:

Mak ayah dia bercerai. Kadang-kadang dia kejap duduk dekat family ni, kejap dia duduk dekat family ni. Kadang mak ayah dia ada yang da berkahwin, kadang dia rimas la, nak duduk dekat mana.

(Penyelia Sekolah Harapan Jasin, Informan 6)

Oleh itu, Penyelia Sekolah Harapan Jasin juga turut menambah bahawa, zina berpunca daripada tindakan remaja yang pada asalnya cuba untuk mendapatkan kasih sayang yang mereka tidak dapat perolehi daripada keluarga sendiri:

Dia nak kata kosong sangat tu, ada jugak la, tapi kebanyakan tahu benda tu salah. Kadang-kadang, diaorang ni broken family tau. Dia dari broken family, so dia cari kasih sayang dari orang lain la. Mak bapak tak boleh nak bagi kasih sayang, so dia cari seseorang yang boleh bagi dia kasih sayang sampai terlanjur.

(Penyelia Sekolah Harapan Jasin, Informan 6)

iii. Nilai Pendidikan Yang Rendah

Pendidikan juga merupakan salah satu aspek yang penting dalam pembentukan akhlak remaja kerana ia akan membantu mereka dalam membuat pertimbangan antara perilaku yang betul atau salah. Bagi peserta kajian ini, mereka merupakan individu yang tercicir dalam pelajaran kerana mereka merasakan bahawa sekolah itu bukanlah tempat yang menyeronokkan sehingga mereka lebih memilih untuk ponteng sekolah.

Pengkaji: *Macam mana JKM boleh bawa adik ke situ? Asalnya adik sekolah la?*

Azra (bukan nama sebenar): *Dok. Saya memang sekolah, sekolah lama dah. Saya duduk dengan family saya.*

Pengkaji: *Oh duduk dengan family, maksudnya sekolah menengah kat Kelantan la masa tu Tingkatan 3 kan.*

Azra (bukan nama sebenar): *Tak, saya berhenti sekolah masa Tingkatan 2 awal tahun.*

(Peserta Kajian dari Sekolah Tunas Bakti Marang, Terengganu, Informan 5)

Bagi peserta kajian yang lain iaitu Siti juga menyatakan bahawa:

Pengkaji: *Jadinya sebelum masuk ke situ, sempat sekolah sampai tingkatan 4?*

Siti (bukan nama sebenar): *Tak sekolah dah.*

Pengkaji: *Oh tak sekolah dah. Maksudnya Su dah berhenti sekolah masa umur berapa?*

Siti (bukan nama sebenar): *Umur 14.*

Pengkaji: *14..masa tu memang nak berhenti sekolah ke memang nenek dah tak..tak..tak hantar sekolah?*

Siti (bukan nama sebenar): *Selalu ponteng.*

(Peserta Kajian dari Sekolah Tunas Bakti Marang, Terengganu, Informan 5)

Sebaliknya, bagi remaja sesetengah remaja yang berpendidikan tinggi, pendidikan merupakan jaminan kepada '*masa depan mereka*'. Tafsiran '*masa depan*' menurut remaja yang terlanjur adalah keupayaan untuk mendapatkan pekerjaan yang seterusnya menjadi idaman bakal suami sekurang-kurangnya dalam kalangan pekerja buruh. Sebagaimana yang dinyatakan Pegawai Penasihat Agama (GKS) bahawa pandangan mereka tentang perlakuan mereka tetap akan membawa mereka ke arah kehidupan yang baik juga kelak.

Saya pernah terjumpa satu kes. Sorang budak ni, budak perempuan. Jadi saya pun bagi motivasi lah. Saya kata, awak ni, yo lah kadang-kadang, kita kena fikir juga masa depan. Dia kata macam ni, jawapan budak ni, sangat unik. Dia kata gini, saya ni bakal graduate. Jadi, kalau lah saya graduate, perasaan dia bila dah grad, saya akan kerja. Bila saya dah kerja, takkan takde orang nak kat saya. Driver bas ke, driver lori ke. Prof, dia boleh jamin yang dia ni akan ada orang nak. Jadi, kalau saya terlanjur pun, pasti ada orang nak dan menyebabkan, dia tak kisah pun. Kadang-kadang, benda-benda macam ni, saya tak pernah terfikir pun. Akhirnya saya kata apa, betul juga hok dia kata tu.

(Penasihat Agama (GKS), Informan 7)

Pendidikan menjadi suatu asas bagi melahirkan seseorang remaja yang berilmu dan berthaqafah. Melalui pendidikan juga dapat melatih para remaja mempunyai tahap pemikiran yang matang dan jati diri yang kuat dalam membantu mereka membuat segala tindakan dan keputusan. Para remaja dapat berfikir secara rasional tentang baik buruk sesuatu perkara melalui pendidikan yang baik sama ada formal di sekolah atau tidak formal di rumah.

Hasil kajian mendapati rata-rata remaja yang terlibat dengan seks bebas sehingga lahirnya anak tak sah taraf adalah daripada golongan yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Mereka tidak berpeluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi disebabkan kurang berminat atau kurang galakan daripada ibu ayah sendiri. Terdapat juga remaja yang terpaksa berhenti sekolah disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga dan terpaksa bekerja di usia muda. Tidak kurang juga yang hanya menganggur dan melepak di rumah dan bergaul dengan rakan-rakan yang tidak baik.

Selain itu, kajian juga mendapati rata-rata remaja yang terlibat dengan perkara yang meruntuhkan sahsiah mereka adalah disebabkan kurangnya pengetahuan berkenaan pendidikan seksual sehingga tidak mengetahui bahawa perbuatan seks yang mereka lakukan tidak akan menyebabkan mereka mengandung dan sebagainya. Tambahan lagi, keengganan ibu bapa untuk memberi penerangan kepada anak-anak berkaitan hal

seksualiti kepada anak untuk mendidik mereka memahami hak dan maruah mereka juga turut menyebabkan anak-anak akan mendapatkan maklumat dari sumber yang salah seperti internet dan rakan sebaya. Hal ini kerana, dengan peredaran zaman dan teknologi, anak-anak zaman sekarang tidak seperti zaman 20-30 tahun yang lalu, sebaliknya mereka boleh akses pelbagai maklumat di hujung jari. Justeru itu, kaedah didikan dari ibu bapa perlu mengikut perkembangan semasa dan tidak semestinya mengikut kaedah 20-30 tahun dahulu. Pendidikan anak-anak adalah sesuai dengan zaman mereka. Oleh itu, didikan dari ibu bapa juga sangat penting dalam membentuk sahsiah anak-anak mereka yang semakin membesar.

iv. Teknologi Yang Berleluasa

Dunia hari ini mengalami evolusi dan perubahan sumber teknologi moden. Pelbagai jenis inovasi dan ciptaan berteknologi tinggi diciptakan untuk mempengaruhi kemajuan teknologi canggih yang pesat yang membawa dunia ke alaf baru. Kemajuan teknologi semasa yang pesat telah memberi kesan mendalam dan transformatif pada panorama global kehidupan manusia, tidak kira usia.

Antaranya adalah media. Media adalah alat yang dapat digunakan untuk membangkitkan dan mempengaruhi sikap serta tingkah laku individu dan sosial, dan mempengaruhi setiap elemen kehidupan. Ini kerana media berperanan dalam pembentukan identiti kaum dan budaya, yang penting untuk perkembangan keseluruhan. Di peringkat budaya, media massa diramalkan akan memainkan peranan yang semakin penting dalam memupuk interaksi antara agama dan peradaban dari pelbagai bangsa di seluruh dunia, ketika dunia semakin hampir dengan era globalisasi, iaitu dunia tanpa sempadan.

Tidak syak lagi, peranan rangkaian internet sebagai gudang pengetahuan terbesar di dunia dan bidang komunikasi yang luas juga merupakan sumber bahan berbahaya yang merosakkan identiti remaja Muslim. Hal ini lebih membimbangkan apabila kurangnya penapisan dan pengawasan pemerintah terhadap maklumat tersebut, seperti yang berlaku di beberapa negara Barat (Ismail & Syed Hassan, 2011).

Menurut Adjomi (2020) menegaskan bahawa penggunaan teknologi juga perlu di bawah pengawasan ibu bapa. Ianya kerana cara ibu bapa mengarahkan anak-anak mereka menggunakan internet memberi kesan yang signifikan terhadap moral remaja, kerana salah satu faktor kejayaan mendidik akhlak adalah bagaimana ibu bapa mengarahkan anak-anak mereka menggunakan internet, dan salah satu faktor kejayaan dalam mendidik akhlak adalah bagaimana ibu bapa mengarahkan anak-anak mereka menggunakan internet.

Baharuddin et al., (2019) ada mengatakan jumlah pendedahan media massa mempunyai kaitan negatif yang besar dengan kepercayaan moral pelajar. Peningkatan masa yang diluangkan di media sosial mengikis moral pelajar. Tambahan pula, minat pelajar terhadap unsur hiburan, humor, dan seram di media tidak banyak mempengaruhi prestasi akademik mereka. Walau bagaimanapun, minat murid-murid ini terhadap bahan dan pendidikan agama memberi kesan yang besar terhadap standard moral mereka. Oleh sebab itu, remaja harus mencapai keseimbangan antara penggunaan teknologi dan bahan media yang mungkin membahayakan mereka dan perkara buruk yang dapat mengubah identiti mereka, kerana mereka akan menjadi pemimpin negara kelak.

v. Pengaruh Rakan Sebaya

Bagi remaja, rakan merupakan insan yang penting dalam kehidupan mereka sehinggakan kebanyakan remaja meletakkan taraf rakan itu melebihi keluarga mereka sendiri. Apa yang dilakukan rakan mereka dirasakan bahawa ia adalah perkara memberi keseronokan dan wajar untuk mereka ikuti walaupun ia merupakan perilaku yang salah. Peserta kajian menjelaskan bahawa pengaruh rakan adalah punca utama yang membawa kepada zina. Rakan akan mempengaruhi mereka untuk melakukan perhubungan tanpa batasan antara lelaki dengan perempuan seperti yang telah dijelaskan oleh Pengetua (TSP), Kuching:

Ok kebanyakan mereka adalah kategori kanak-kanak lah. Di bawah Akta Kanak-kanak 2001, memang umur di bawah 18 tahun lah dan di sini, kebanyakan mereka berumur 14 sehingga 17 tahun lah. Dan kebanyakan faktor menyumbang ialah dari segi kebanyakannya terpengaruh rakan.

(Pengetua TSP Kuching, Informan 4)

Dalam kajian Zainudin dan Roslan (2011), pengiktirafan daripada rakan sebaya sangat menyumbang kepada penglibatan responden dalam masalah akhlak. Responden akan melakukan apa sahaja yang mereka mahu asalkan ianya diiktiraf dan diketahui oleh rakan sebaya mereka dan mereka lebih cenderung melakukan tingkah laku yang serupa dengan rakan sebaya. Ini akan membuatkan mereka membentuk kumpulan mereka sendiri, yang akan mempunyai peraturannya sendiri. Kesannya, responden bebas melakukan apa sahaja yang diinginkan asalkan mereka diterima sebagai ahli kumpulan. Ianya dapat dilihat melalui jawapan yang dinyatakan oleh Pengetua Tunas Bakti:

Jadi gini, saya di sini ada 30 orang penghuni, 30 orang buat masa ni. Pastu saya tengok dia, dia lebih kurang sama je ciri-ciri dia. Yang pertama dia suka bersosial. Memang dia suka berkawan, best friend, kawan, member. Kadang-kadang saya benci dengan perkataan member member ni. Perkataan member ni sebenarnya dia yang mempengaruhi diri dia sendiri. Pada dia, dia lebih utamakan member dia daripada keluarga, lebih dengar kata member daripada keluarga, kakak, adik, adik-beradik dia. Jadi di sini kita tengok, jenis pergaulan sosial yang aktif. Yang kedua mereka ni suka melepak kat luar.

Kalau saya tengok ahh rakan sebaya ni, memang. Memang dia menjadi satu punca la rakan sebaya ni. Sebab kalau dia memilih rakan yang baik, dia akan jadi baik. Kalau dia memilih rakan yang rosak, dia dengan sendirinya akan terosak. Contohnya macam ni la, kalau saya berjalan dengan orang yang menjual pewangi perfume saya akan wangi tapi kalau saya jalan berkerjasama dengan orang yang buat tembaga apa tu saya akan terkena percik api-api dia. Jadi betul kata-kata tu. Jadi sekarang ni kalau kita berjalan, berkawan dengan orang macam ni. Kita akan mudah terlanjur. Kalau kat sini kita nak cerita satu eh, saya suka cerita ni. Pengalaman di sini, kita tengok di sini ada kes, dia suami isteri dia berkahwin yang lelaki tu memang budak baik. Lepas tu untuk pengetahuan, yang perempuan, perempuan ni adalah penagih dadah. Jadi lelaki ni memang tergoda dengan perempuan, dia lemah iman, sama-sama dia hisap dadah sekarang ni. Jadi dia kata memang asalnya suami dia memang tak hisap dadah. Disebabkan dia berkawan dengan dia, berkahwin dengan dia, bercinta dengan dia, serumah, sehidup semati dengan dia. Dia sanggup gadaikan diri dia untuk mendapatkan dadah bersama-sama isteri dia. Jadi sekarang ni saya, faktor rakan tu adalah faktor utama.

(Pengetua Tunas Bakti Marang, Informan 2)

Tambahan lagi, kajian yang diperoleh melalui Yahya (2011), rakan dalam kalangan pendorong remaja kepada gejala negatif. Ianya kerana remaja gemar memberitahu masalah kepada rakan berbanding ibu bapa dan guru. Bagi remaja, rakan mereka dapat lebih memahami naluri dan perasaan dalaman mereka. Ianya juga disebabkan lebih banyak masa diperuntukkan bersama rakan, antara faktor pendorong remaja terlibat dalam perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah. Penyelidik juga menambah bahawa rakan yang dipilih sangat penting dalam membentuk kehidupan remaja sama ada ke arah positif atau negatif. Rakan yang dipilih ini juga sangat penting dalam mencorakkan kehidupan remaja dengan cara baik atau buruk. Hasilnya, pemilihan rakan sebaya sangat penting untuk pembangunan diri seseorang. Hal ini kerana, Rasulullah SAW bersabda:

{مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالسَّوِّءِ، كَحَامِلِ الْمِسْكِ وَنَافِخِ الْكَبِيرِ، فَحَامِلِ الْمِسْكِ: إِمَّا أَنْ يُحْدِيكَ، وَإِمَّا أَنْ تَبْتَاغَ مِنْهُ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً، وَنَافِخِ الْكَبِيرِ: إِمَّا أَنْ يُحْرِقَ ثِيَابَكَ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ رِيحًا حَسِيئَةً}

Maksudnya, "Perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti seorang penjual minyak wangi dan seorang tukang besi. Adapun, penjual minyak wangi akan memberi kamu (minyak wangi tersebut), atau kamu membeli daripadanya, atau kamu mendapat bau yang harum daripadanya. Sedangkan tukang besi pula, akan membakar bajumu dan juga kamu mendapatkan bau yang busuk" (Hadis. al-Bukhari. No: 5534 & Muslim. No: 2628)

عن أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: {الرَّجُلُ عَلَى دِينِ حَلِيلِهِ، فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ}

Maksudnya, "Seseorang itu tergantung pada agama temannya, Maka hendaklah diperhatikan siapakah yang dia jadikan teman" (Hadis. Abu Dawud. No: 4833 & Al-Tarmidhi. No: 2378)

Kedua-dua hadis ini menunjukkan kepentingan memilih teman atau kawan yang baik kerana merekalah yang akan membentuk peribadi dan akhlak kita. Perumpamaan teman atau kawan yang baik ini umpama seorang penjual wangi kerana manfaat yang kita akan peroleh daripadanya apabila kita berdamping dengannya. Tambahan pula, Imam al-Nawawi meletakkan hadith ini di bawah bab atau tajuk sunat bergaul dengan orang yang soleh. Selain itu juga, hadith ini menunjukkan kepada kita kelebihan duduk bersama orang yang soleh, orang yang baik, orang yang menjaga maruah, orang yang mulia akhlaknya, orang yang warak, ahli ilmu, orang yang beradab di samping larangan duduk bersama orang yang tidak baik, ahli *bid'ah*, orang yang dibenci masyarakat atau yang melakukan maksiat, malas beramal dan sebagainya yang termasuk di dalam perkara-perkara yang dicela (Ahmad Ayoup, 2018).

Akhirnya, pemantauan rakan sebaya remaja dan ibu bapa yang baik sangat diperlukan bagi remaja yang telah terdedah kepada perilaku sahshiah yang salah untuk menjadi yang lebih baik dan tidak mengulanginya lagi dengan memberi sokongan kepada mereka.

CADANGAN PENYELESAIAN UNTUK MENGURANGKAN KES-KES BERKAITAN KERUNTUHAN AKHLAK REMAJA MUSLIM DI MALAYSIA

Hasil temu bual yang telah dijalankan bersama responden kajian, terdapat beberapa cadangan bagi mengurangkan kes-kes sebegini dari terus meningkat. Antaranya adalah seperti berikut:

i. Penerapan kepada Asas Agama

Penerapan asas agama terhadap remaja perlulah bermula semasa mereka kecil lagi. Bagi umat Islam asas fardu ain, perkara-perkara berkaitan aqidah dan kepercayaan seperti mengenal Allah dan Rasulnya, mendirikan solat, membaca, memahami Al-Quran dan mempraktikkannya hendaklah dilatih lebih awal kerana melentur buluh biarlah daripada rebungunya. Penerapan dan amalan ajaran agama mempunyai kaitan yang kuat dengan keberkesanan institusi keluarga.

Tambahan lagi, pemeraksanaan pengajaran mata pelajaran agama di sekolah mesti terus diperkukuhkan dari segi teori dan praktik. Penekanan yang berterusan pada sudut tauhid dan akhlak amat diperlukan bagi menanamkan rasa ketuhanan pada diri setiap remaja. Penekanan ilmu tauhid dan akhlak perlu dilakukan secara sistematik agar dapat melahirkan rasa bertuhan dalam diri para remaja. Selain itu, ilmu-ilmu agama yang lain

yang berbentuk praktikal juga perlu dimantapkan agar dapat membentengi diri mereka daripada terjebak dengan dosa dan perbuatan yang mungkar.

ii. Peranan Institusi Kekeluargaan

Ibu bapa juga turut memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak tentang hal berkaitan seksualiti seperti bahagian-bahagian tubuh yang tidak boleh disentuh oleh orang lain, aurat, muhrim/bukan muhrim, seks dalam Islam hanya di antara suami isteri melalui perkahwinan-selainnya adalah diharamkan, kepentingan memisahkan tempat tidur anak-anak lelaki dan perempuan, waktu-waktu tidak dibenarkan untuk masuk ke bilik ibu bapa, kepentingan mendidik anak-anak untuk mengetuk pintu dan meminta kebenaran sebelum masuk ke bilik ibu bapa dan sebagainya.

Didikan ini perlulah didedahkan sebaik mungkin oleh ibu bapa agar anak-anak akan dapat menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan. Selain itu, kerajaan juga perlulah meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat dari aspek sosio ekonomi kerana kebanyakan mereka yang terlibat dengan gejala ini adalah dari kalangan mereka yang berpendapatan rendah yang menyebabkan ibu bapa bekerja lebih masa dan kurang perhatian kepada anak-anak mereka.

iii. Kesedaran Terhadap Kepentingan Nilai Pendidikan

Selain itu, remaja juga perlulah diberikan kesedaran secara berterusan tentang pentingnya pendidikan untuk menjadikan mereka seorang insan berilmu dan berjaya ke peringkat lebih tinggi. Menurut Ismail dan Syed Hassan (2011), teguran dan pendidikan terhadap remaja mesti diteruskan sehingga mereka dewasa. Walau bagaimanapun, kaedah penyampaian mestilah pelbagai dan sesuai mengikut peringkat umur dan kecerdasan mereka.

Kerajaan juga perlu membantu keluarga yang berpendapatan rendah dengan menyediakan kemudahan pembelajaran bagi mengelakkan bertambahnya golongan yang tercicir dalam pelajaran. Memperkasakan silibus pembelajaran di peringkat rendah dan menengah dengan memfokuskan kepada pembinaan sahsiah, akhlak dan pengetahuan agama yang kukuh agar para pelajar memperoleh bekalan ilmu yang mencukupi sekalipun tidak ke menara gading.

Strategi pendidikan seharusnya menjadi tonggak bagi pembentukan akhlak pada generasi remaja kita dan menawarkan kerangka untuk menjadikan remaja kita termasuk di antara orang-orang yang beriman dan bertakwa. Ianya menjadi satu keperluan untuk memeriksa kembali kurikulum pendidikan Islam daripada sekolah rendah hingga sekolah menengah untuk memasukkan aspek kesedaran sosial yang melibatkan agama, bangsa, dan negara. Kekuatan emosi, psikologi, keagamaan dan jati diri yang kuat dapat berfungsi sebagai penghalang untuk tidak terjebak dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah (Abdullah, 2014). Pelajar perlu didedahkan dengan pendidikan seks secara tidak langsung seperti "*do and don't*" dan "*good touch and bad touch*" agar dapat memberi asas kepada pergaulan harian pelajar.

iv. Bijak Menggunakan Teknologi

Aktiviti anak-anak berkenaan dengan teknologi seperti telefon pintar dan internet perlu dipantau agar dapat menghindari mereka daripada terlibat dengan lambakan bahan pornografi dan budaya tidak baik di internet. Para pembangun *apps* dan laman web disarankan untuk membina aplikasi-aplikasi yang menarik dan bermanfaat untuk para remaja serta meletakkan *filter* dan tapisan kepada carian-carian yang berunsur lucah.

Media mesti dikawal penyiarannya secara eksklusif dan besar-besaran oleh pihak Kerajaan terhadap laman web pornografi dan penulisan blog lucah. Pengawalan terhadap penjualan pil-pil perangsang, alat bantu seks dan perkhidmatan pengguguran kandungan supaya dapat menyekat ruang-ruang yang membawa kepada perbuatan seks bebas dalam kalangan remaja. Menurut Abdullah (2014), pelbagai pihak termasuk ahli akademik perlu berganding bahu memantau rancangan televisyen dan pawagam. Hal ini kerana, terdapat

remaja kita yang sangat selesa untuk menjalankan budaya yang hampir dengan perzinaan seperti menonton pawagam bersama.

v. Memantau Pergaulan Anak-Anak

Pergaulan dengan rakan sebaya juga seharusnya dipantau oleh ibu bapa atau penjaga. Mereka perlulah cakna dengan mengambil tahu latar belakang rakan sebaya dan keluarga mereka. Pemeriksaan terhadap gajet dan barang-barang digital perlu dilakukan secara berkala sebagai satu usaha memantau aktiviti remaja kesan pengaruh rakan sebaya.

Pengaruh rakan sebaya yang berlaku di sekolah perlu dipantau oleh pihak pengurusan sebagai mengambil peranan kedua selepas ibu bapa dengan memberikan nasihat dan teguran yang berterusan. Program usrah dan mentor mentee perlu diperkaya dan dijalankan secara berterusan di sekolah agar pelajar-pelajar sentiasa dapat dipantau dan dikawal. Masjid dan surau perlu memperkasakan program-program remaja seperti geng masjid atau surau, agar remaja akan tertarik dan menyibukkan diri dengan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

KESIMPULAN

Aktiviti keruntuhan akhlak seperti seks bebas dan perzinaan dilihat semakin berleluasa khususnya dalam kalangan remaja. Hasil temu bual bersama beberapa pusat perlindungan di Malaysia, penyelidik dapati terdapat banyak punca-punca yang mendorong anak-anak muda terlibat dengan isu permasalahan akhlak. Antara faktor-faktor utama yang mendorong mereka yang dibincangkan dalam kajian ini ialah disebabkan kurangnya didikan agama, keluarga yang bermasalah, nilai pendidikan yang rendah, teknologi yang berleluasa dan pengaruh rakan sebaya.

Oleh itu, semua pihak seharusnya memainkan peranan yang besar dalam mengurangkan kes-kes sebegini daripada terus meningkat. Demikian juga, semua pihak seharusnya bekerjasama untuk mengurangkan isu ini demi melahirkan remaja yang bebas dari permasalahan akhlak. Diharapkan kajian ini akan dapat memberi pendedahan kepada semua pihak berkenaan isu ini dan semua pihak perlulah mengorak langkah memainkan peranan masing-masing dalam membendung faktor-faktor ini daripada akar umbi agar masalah ini dapat dikurangkan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan Inovasi (PPPI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) di atas sokongan yang diberikan melalui geran "Pembinaan Modul Sahsiah Remaja Islam Terlanjur Di Negeri Terengganu" (USIM/TSIS/FSU/LUAR-S/41321).

RUJUKAN

- Abdullah A. A. 2014. *Menangani Gejala Sosial Menurut Perspektif Islam*. In book: Islam Yang Dinamik. Penerbit: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 160-181.
- Adjomi, M. R. 2020. *Penggunaan Rekaman Video Sebagai Alat Bukti Elektronik Tindak Pidana Perzinaan Menurut Rancangan Kitab Undang-Undang Hukum Acara Pidana dan Hukum Pidana Islam*. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 1-75.
- Rogers, C. R. 1951. *Client-centered Therapy: Its Current Practice, Implications and Theory*. Boston: Houghton Mifflin.
- Santrock, J. W. 2008. *Essentials of Life-Span Development*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Higher Education.
- Webley, L. 2010. *Chapter 38 Qualitative Approaches to Empirical Legal Research*. Oxford Handbook of Empirical Legal Research. Edition: 1st. DOI: 10.1093/oxfordhb/9780199542475.013.0039.
- Zulkiffly, A. 2006. *Jenayah Seksual*. Mostagain Resources Publications.

Jurnal

- Ali, F. 2007. *Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemosototan Pembelajaran*. Jurnal Usuluddin, 25: 145-154.
- Ismail, M. Y., & Syed Hassan, S. N. 2011. *Pendekatan Nabawi Dalam Membentuk Remaja Muslim Sejati*. Hadis Jurnal, 31-45.
- Patrick & Linda Jean. 2013. *Justification of a Qualitative Methodology to Investigate the Emerging Concept: The Dimensions of Religion as Underpinning Constructs for Mass Media Social Marketing Campaigns*. Journal of Business Theory and Practice, 1(2): 214-243.
- Phares, V., & Compas, B. E. 1992. *The Role of Fathers in Child and Adolescent Psychopathology: Make Room for Daddy*. Psychological Bulletin, 111: 387-412.
- Zainal, K. 2008. *Memahami Tingkah Laku Remaja Bermasalah Dari Perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalitik & Tret Personaliti*. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 9: 43-56.
- Zainudin, S., & Roslan, N. M. 2011. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka*. Journal of Education Psychology & Counseling. 1(7): 115-140.

Seminar & Prosiding

- Baharuddin, A. S., Wan Ismail, W. A. F., Mutalib, L. A., Abdul Shukor, S., Nik Saleh, N. S. S., & Mamat, Z. 2020. *Faktor-Faktor Penyumbang Kadar Kelahiran Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Tinjauan Saranan dari Al-Quran dan Al-Sunnah*. Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020, FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 515-529.
- Wan Ismail, W. A. F., Abdul Shukor, S., Abdul, L. A., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., & Nik Salleh, N. S. S. 2020. *Faktor Dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia*. International Seminar on Syariah and Law (INSLA) E-Proceedings, (3)1: 136-146.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, A. S., Nik Saleh, N. S. S., Mamat, Z., Sahdan, Z., Syed Husin, S. N., Alias, M. A. A., & Abdullah Kahar, N. S. 2021. *Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Keruntuhan Sahsiah Remaja Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. International Convention on The Basic Structure of Constitution 2021 (ICOBAC 2021), 349-360.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, A. S., Nik Saleh, N. S. S., Mamat, Z., Sahdan, Z., Syed Husin, S. N., Alias, M. A. A., & Abdullah Kahar, N. S. 2021. *Tinjauan Awal Terhadap Punca-Punca Yang Menyebabkan Remaja Islam Di Malaysia Terlanjur*. International Convention on The Basic Structure of Constitution 2021 (ICOBAC 2021), 212-222.

Tesis

- Yahya, M. F. 2011. *Keterlibatan Remaja Dalam Lumba Haram di Daerah Larut Dan Matang, Perak: Kajian Daripada Perspektif Pembangunan Insan*. Thesis Sarjana di Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Internet

- Ahmad Ayoup, M. M. 2018. *Irsyad Al-Hadith Siri Ke-251: Duduk Bersama Guru Dibuka 70 Pintu Rahmat*. Link pautan <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/2311-irsyad-al-hadith-siri-ke-251-duduk-bersama-guru-dibuka-70-pintu-rahmat> (diakses pada 1 Mei 2022).
- Hashim, M. F. 2020. *Trend jenayah remaja dan kanak-kanak membimbangkan. Utusan Malaysia*. Diakses pada 28 April 2022. Link pautan <https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/trend-jenayah-remaja-dan-kanak-kanak-membimbangkan/> (diakses pada 1 Mei 2022).

Yahaya, A. 2012. *Definisi Remaja dan Pembentukan Konsep Kendiri dalam Hubungannya Dengan Keluarga*. Link pautan <http://eprints.utm.my/id/eprint/20096/> (diakses pada 1 Mei 2022).

Temu Bual

Encik Amran bin Seman. Pegawai Kerja Sosial Perubatan di Rumah Generasiku Sayang, GKS. 8 Jun 2021.

Peserta Kajian dari Sekolah Tunas Bakti Marang, Terengganu. 13 September 2021.

Puan Armisy binti Basri. Pengetua Taman Seri Puteri Kuching, TSP Kuching. 28 September 2021.

Puan Ommy Zuhrah binti Ab Majid. Ketua Penyelia Sekolah Harapan Jasin. 10 September 2021.

Puan Rafeah. Pengetua Sekolah Tunas Bakti Marang. 1 September 2021.

Syed Azmi. Temu bual bersama Penasihat Pusat Perlindungan Kerajaan dan Bukan Kerajaan. 12 Ogos 2021.

Ustaz Nik Nizam. Penasihat Agama di Rumah Generasiku Sayang, GKS. 8 Jun 2021.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.